

Bandingkan inovasi Islam dengan Barat

Oleh SUBAHIR TAIB

U.M MS 11 19/01/07

SELESAI mengunjungi Pameran Tamadun Sains Islam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada hari keempat saya terfikir alangkah baiknya jika turut dipamerkan replika atau gambar ciptaan awal tamadun Barat yang dikatakan meniru tamadun Islam. Dan alangkah bagusanya jika dipamerkan ciptaan terkini Barat supaya boleh dibuat perbandingan kehebatan kedua-dua tamadun.

Mungkin ada yang mengatakan ia sesuai dilakukan di Pusat Sains Negara (PSN) nanti kerana di situ tersedia segala kemudahan, tidak kurang juga yang bersetuju supaya cadangan saya ini boleh dilaksanakan pada Pameran Tamadun Sains Islam yang kedua.

Namun apa yang ingin ditekankan di sini ialah pentingnya pihak yang kerjanya menggalakkan rakyat melakukan inovasi dalam semua bidang di negara ini mereka hendaknya sentiasa bersedia untuk melakukan sesuatu yang menggambarkan mereka adalah golongan yang dilihat sentiasa mempamerkan ciri-ciri inovatif dalam semua tindakannya - kerjanya, percakapannya, pemikirannya dan penulisannya.

Yang ingin dibincangkan ialah pentingnya mengkaji artifak asal sains Islam menerusi perbandingan dengan artifak baru yang dianggap ditiru oleh pencipta dari tamadun lain. Ia kemudiannya diikuti dengan perbandingan artifak-artifak lama ini dengan hasil ciptaan terkini.

Alasan penulis kaedah inilah yang diadakan oleh para arkitek bertaraf mahaguru sejak dulu lagi. Yang terbaru ialah Renzo Piano - arkitek kelahiran Itali yang namanya sinonim dengan gaya seni bina *hi-tech*. Beliau turut dikenali oleh pengkritiknya sebagai arkitek generasi baru yang menggunakan pendekatan reka bentuk yang dipanggil *stretch to the limit* atau berfikir hingga hadnya.

Sementara dalam konteks ilmu mengenal pasti dan menyelesaikan masalah ia dikaitkan dengan teknik sinektiks cara analogi langsung. Ia mengenai bagaimana dengan melakukan kajian perbandingan tersebut mampu menghasilkan analisis atau rumusan yang mengarah fikiran penyelesaian masalah untuk mendapatkan idea baru.

Kaedah ini boleh digunakan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah baru terutamanya yang menemui jalan buntu untuk diselesaikan.

Mungkin ada baiknya penulis memberikan contoh lain yang dianggap sesuai dan mudah difahami oleh umat Islam yang sudah mengunjungi dan bakal mengunjungi pameran tersebut.

Ia mengenai bidang muamalat Islam melibatkan dua artifak dalam bentuk teks hukum atau kontrak Islam yang dihasilkan oleh para fukaha Islam silam bagi keperluan transaksi barangan belum siap atau sudah wujud semasa akad atau berkontrak. Atau, dalam konteks moden yang dipelopori oleh para fuqahak Barat, ia bagi memenuhi keperluan pesanan barangan daripada

pengusaha kilang, atau dalam bentuk projek ia sama ada pesanan daripada kontraktor pembinaan dan pemaju perumahan.

Dua artifak teks yang dimaksudkan ialah hukum atau kontrak *al-Istisnaa'* dan *al-Ijarah*. Ia dianggap mula dipelajari oleh Barat pada kurun ke-10.

Kontrak

Kajian penulis yang membandingkan di antara kontrak Islam dan Barat bagi keperluan projek pembinaan menunjukkan Barat telah meminjam artifak kontrak *al-Istisnaa'* Islam untuk dijadikan kontrak *Price-in-advance* Barat, manakala artifak kontrak *al-Ijarah* Islam tersebut dijadikan kontrak *Cost Reimbursement* Barat.

Tambah menarik, kajian lanjut mendapati bahawa dua kontrak Barat tersebut dijadikan kontrak induknya bagi pewujudan sistem pengurusan projek Barat yang dilakukan dengan cara yang, pada fikiran penulis, tidak terfikir oleh para fukaha Islam silam mahupun zaman ini.

Cara yang dimaksudkan ialah tindakan Barat membina pelbagai pecahan sistem kontrak di bawah kontrak *Price-in-advance* dan *Cost Reimbursement* tersebut.

Dalam bidang sains, penulis bersetuju dengan dakwaan ahli sejarah Islam atau Arab bahawa sebab utama sains Islam terhenti perkembangan dan penyebarannya selepas abad ke-10 atas alasan berlaku penyelewengan fakta.

Seperti menurut Prof. Dr. Fuat Sezgin ,

nama-nama penulis sains Arab digugurkan semasa terjemahan dilakukan dan beberapa hasil kerja mereka dianggap karya penulis terkemuka Greek.

Tetapi dalam kes artifak muamalat hasil kajian penulis menunjukkan bahawa Barat, secara umumnya, telah meminjam keseluruhan prinsip muamalat Islam dan prosedur pelaksanaan kontrak klasik *al-Istisnaa'* dan *al-Ijarah* Islam tersebut yang meliputi prosedur-prosedur aspek takrif, rukun, syarat sah penggunaan dan contoh penggunaannya.

Melainkan tindakan Barat menukar istilah Arab dua kontrak Islam tersebut kepada istilah Inggerisnya iaitu *Price-in-advance* dan *Cost Reimbursement*.

Tetapi, tidakkah ia dibenarkan dalam prinsip muamalat Islam dengan syarat ia dapat memberikan makna yang jelas dan diterima oleh seluruh masyarakatnya? Malah tidakkah perkara yang sama dilakukan oleh orang Melayu yang menggunakan istilah Tempahan bagi kontrak *al-Istisnaa'* dan Upahan bagi kontrak *al-Ijarah*?

□ SUBAHIR TAIB ialah penyelidik bersekutu dengan Projek Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dengan kerja sama Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan di Universiti Sains Malaysia.